

PANDUAN BAGI PERMOHONAN KELULUSAN EJEN CUKAI

[Subseksyen 153(3) Akta Cukai Pendapatan 1967]

Kelulusan Ejen Cukai dikeluarkan bagi tempoh tiga (3) tahun dan perlu diperbaharui dalam tempoh empat (4) bulan sebelum tamat tempoh.

1. Permohonan Baru Ejen Cukai

1.1 Syarat Kelayakan

Pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut :

- a. Mempunyai kelulusan akademik / profesional dan pengalaman seperti di **Lampiran A**;
- b. Wajib menghadiri Seminar Bajet Tahunan terkini anjuran LHDNM atau CTIM atau MATA; dan
- c. Mempunyai **40 mata Continuing Professional Development (CPD)/Continuing Professional Education (CPE)** dalam tempoh satu (1) tahun terkini. Penentuan mata CPD/CPE adalah seperti di **Lampiran B**

1.2 Prosedur Permohonan Baru Ejen Cukai

- a. Permohonan dibuat secara *online* melalui Sistem Maklumat Pengurusan Cukai (SMPC) di capaian <http://smpc.treasury.gov.my>
- b. Permohonan hendaklah disertakan dengan:
 - i. Gambar;
 - ii. Salinan sijil kelayakan akademik / profesional. (*Sijil berkenaan hendaklah scan berwarna*);
 - iii. Salinan sijil kehadiran seminar percukaian. (*Sijil berkenaan hendaklah scan berwarna*);
 - iv. Surat pengesahan tempoh pengalaman dalam bidang percukaian oleh majikan berkenaan;
 - v. Senarai pelanggan sekurang-kurangnya **20 kes** yang dikendalikan bagi tempoh **1 tahun** terkini; dan
 - vi. Bayaran sebanyak RM50 akan dikenakan sebagai wang proses bagi setiap permohonan. Bayaran dibuat secara *online* melalui *FPX* atau *MasterCard* atau secara manual dalam bentuk kiriman wang pos atau bank draf atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA** dan hantar ke alamat seperti berikut :

**Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Perbendaharaan Malaysia
Bahagian Analisa Cukai
Tingkat 7, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia
Presint 2, 62592 PUTRAJAYA**

- c. Pemohon yang layak sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga oleh LHDNM.
- d. Pemohon yang gagal dalam temuduga pertama boleh membuat rayuan kepada MOF dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh surat penolakan untuk temuduga kedua oleh MOF dan LHDNM.
- e. Pemohon yang rayuannya ditolak atau gagal dalam temuduga kedua, boleh memohon semula selepas (6) bulan dari tarikh surat penolakan.

2. Permohonan Baru Ejen Cukai (Bekas Pegawai LHDNM)

2.1 Syarat Kelayakan

Pemohonan hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut :

- a. Lulus dalam peperiksaan Kursus Lanjutan (Diploma Lanjutan Percukaian Profesional) anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan lima (5) tahun pengalaman praktikal dalam bidang percukaian pendapatan dengan Kerajaan atau swasta; atau
- b. Lulus dalam peperiksaan Kursus Permulaan anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan (10) tahun pengalaman praktikal dalam bidang percukaian pendapatan dengan Kerajaan atau swasta.
- c. Bekas pegawai LHDNM yang membuat permohonan ejen cukai dalam tempoh 1 (satu) tahun dari tarikh tamat perkhidmatan dikecualikan daripada syarat temuduga dan syarat mempunyai **40 mata Continuing Professional Development (CPD)/Continuing Professional Education (CPE)**.

2.2 Prosedur Permohonan Baru Ejen Cukai (Bekas Pegawai LHDNM)

- a. Permohonan dibuat secara *online* melalui Sistem Maklumat Pengurusan Cukai (SMPC) di <http://smpc.treasury.gov.my>
- b. Permohonan hendaklah disertakan dengan:
 - i) Gambar;
 - ii) Salinan sijil kelayakan akademik / lulus peperiksaan LHDNM. (*Sijil berkenaan hendaklah scan berwarna*);
 - iii) Surat pengesahan tempoh perkhidmatan oleh majikan; dan
 - iv) Bayaran sebanyak RM50 akan dikenakan sebagai wang proses bagi setiap permohonan. Bayaran dibuat secara *online* melalui *FPX* atau *MasterCard* atau secara manual dalam bentuk kiriman wang pos atau bank draf atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA** dan hantar ke alamat seperti berikut :

**Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Perbendaharaan Malaysia
Bahagian Analisa Cukai
Tingkat 7, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia
Presint 2, 62592 PUTRAJAYA**

3. Permohonan Pembaharuan Ejen Cukai

3.1 Syarat Pembaharuan

Pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- a. Wajib menghadiri Seminar Bajet Tahunan terkini anjuran LHDNM atau CTIM atau MATA; dan
- b. Mempunyai **90 mata *Continuing Professional Development (CPD)/ Continuing Professional Education (CPE)*** dalam tempoh **tiga (3) tahun** terkini. Pengecualian separuh jumlah mata CPD/CPE bagi pembaharuan kelulusan ejen cukai diberi kepada ejen cukai yang berusia 60 tahun ke atas. Penentuan mata CPD/CPE adalah seperti di **Lampiran B**.

3.2 Prosedur Permohonan Pembaharuan

- a. Permohonan dibuat secara *online* melalui Sistem Maklumat Pengurusan Cukai (SMPC) di <http://smpc.treasury.gov.my>
- b. Permohonan hendaklah disertakan dengan:
 - i. Gambar;
 - ii. Salinan sijil-sijil kehadiran seminar percukaian. Sijil berkenaan hendaklah *scan* berwarna;
 - iii. Senarai pelanggan sekurang-kurangnya **30 kes** yang dikendalikan bagi tempoh 3 tahun terkini; dan
 - iv. Bayaran sebanyak RM50 akan dikenakan sebagai wang proses bagi setiap permohonan. Bayaran dibuat secara *online* melalui *FPX* atau *MasterCard* atau secara manual dalam bentuk kiriman wang pos atau bank draf atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA** dan hantar ke alamat seperti berikut :

**Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Perbendaharaan Malaysia
Bahagian Analisa Cukai
Tingkat 7, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia
Presint 2, 62592 PUTRAJAYA**

- b. Permohonan hendaklah dikemukakan **dalam tempoh empat (4) bulan** sebelum tarikh tamat kelulusan Ejen Cukai.
- c. Kelewatan mengemukakan permohonan pembaharuan dalam masa yang ditetapkan akan mengakibatkan kelulusan berkenaan tidak dapat bersambung sehari selepas tarikh kelulusan tamat. Kelulusan yang telah tamat melebihi satu (1) tahun tidak layak diperbaharui dan pemohon perlu membuat permohonan baru.

KELAYAKAN BAGI EJEN CUKAI
SUBSEKSYEN 153(3) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

1. Mempunyai kelulusan akademik seperti di **Jadual Pertama Bahagian I, Akta Akauntan 1967** dan lima (5) tahun pengalaman praktikal (selepas kelulusan) dalam bidang percukaian pendapatan dengan Kerajaan atau swasta;
2. Ahli kepada mana-mana persatuan akauntan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia seperti di bawah **Jadual Pertama Bahagian II, Akta Akauntan 1967** dan lima (5) tahun pengalaman praktikal (selepas menjadi ahli persatuan) dalam bidang percukaian pendapatan dengan Kerajaan atau swasta;
3. Mempunyai kelulusan akademik di peringkat ijazah pertama dalam bidang perniagaan dan ekonomi daripada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan lapan (8) tahun pengalaman kerja (selepas kelulusan) dalam bidang percukaian pendapatan secara praktikal dengan Kerajaan atau swasta;
4. Lulus dalam peperiksaan Kursus Lanjutan (Diploma Lanjutan Percukaian Profesional) anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri dan lima (5) tahun pengalaman praktikal dalam bidang percukaian pendapatan dengan Kerajaan atau swasta;
5. Lulus dalam peperiksaan Kursus Permulaan anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri dan (10) tahun pengalaman praktikal dalam bidang percukaian pendapatan dengan Kerajaan atau swasta;
6. Seseorang yang telah lulus dalam Kursus Ejen Percukaian anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri (Skim Latihan Khas);
7. Ahli kepada Institut Percukaian Malaysia (CTIM) dan lima (5) tahun pengalaman praktikal dalam bidang percukaian pendapatan dengan Kerajaan atau swasta;
8. Ahli kepada The Malaysian Institute Of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA) dan lima (5) tahun pengalaman praktikal (selepas menjadi ahli persatuan) dalam bidang percukaian pendapatan dengan Kerajaan atau swasta;
9. Ahli kepada Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS) yang mempunyai kelulusan akademik di peringkat ijazah pertama dalam bidang undang-undang daripada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia dan lima (5) tahun pengalaman (selepas kelulusan) dalam bidang percukaian pendapatan secara praktikal dengan kerajaan atau swasta; atau

**KELAYAKAN AKADEMIK
(JADUAL PERTAMA BAHAGIAN I, AKTA AKAUNTAN 1967)**

- a. Diploma Perakaunan, Universiti Malaya;
- b. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Malaya;
- c. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Kebangsaan Malaysia;
- d. Diploma Lanjutan Perakaunan, Institut Teknologi MARA;
- e. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Teknologi MARA (UiTM);
- f. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Utara Malaysia;
- g. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Pertanian Malaysia;
- h. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Putra Malaysia;
- i. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa;
- j. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Sains Malaysia;
- k. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian)(Teknologi Maklumat),Universiti Utara Malaysia yang program akademiknya bermula sebelum tahun akademik 2002/2003;
- l. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Tenaga Nasional yang program akademik pertamanya bermula dari tahun akademik 2002/2003;
- m. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Multimedia yang program akademik pertamanya bermula dari tahun akademik 2002/2003;
- n. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia;
- o. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Malaysia Sabah; atau
- p. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Industri Selangor.

**PERSATUAN YANG DIIKTIRAF
JADUAL PERTAMA BAHAGIAN II, AKTA AKAUNTAN 1967**

- a. Malaysian Association of Certified Public Accountants (MACPA);
- b. Institute of Chartered Accountants of Scotland;
- c. Institute of Chartered Accountants in England and Wales;
- d. Institute of Chartered Accountants in Ireland;
- e. Association of Chartered Certified Accountants (United Kingdom);
- f. Institute of Chartered Accountants in Australia;
- g. Australian Society of Chartered Accountants;
- h. New Zealand Society of Chartered Accountants;
- i. Canadian Institute of Chartered Accountants;
- j. Institute of Chartered Accountants of India;
- k. Chartered Institute of Management Accountants (United Kingdom).

**KELAYAKAN YANG DIIKTIRAF OLEH KERAJAAN SETARAF
DENGAN IJAZAH AM/ LULUS DARI UNIVERSITI TEMPATAN**

- a. Association of International Accountants (AIA), U.K. ;
- b. Institute of Chartered Secretaries and Administrators, U.K.

Lampiran B**Penentuan mata *Continuing Professional Development (CPD)/Continuing Professional Education(CPE)***

Kriteria	Jumlah Mata CPD/CPE								
1. Peserta seminar, bengkel dan lain-lain berkaitan percuakan anjuran (i) MOF/LHDNM atau CTIM/MATA/MIA/MICPA/MAICSA/BEHASIL; atau (ii) CPA Australia(dengan kerjasama LHDNM)	1 jam CPD/CPE bersamaan 1 mata CPD/CPE								
2. Peserta Seminar Bajet Tahunan Terkini anjuran LHDNM atau CTIM/MATA (dengan input dari LHDNM)	10 mata CPD/CPE								
3. Peserta Persidangan Cukai Kebangsaan anjuran LHDNM/CTIM/MATA/MIA/BEHASIL	25 mata CPD/CPE								
4. Penggerusi, Penceramah, Ahli Panel dalam seminar, bengkel dan lain-lain berkaitan percuakan anjuran MOF/LHDNM/CTIM/MIA/MATA/BEHASIL	<table border="1"><tr><td>Penceramah</td><td>20 mata CPD/CPE</td></tr><tr><td>Ahli Panel</td><td>10 mata CPD/CPE</td></tr><tr><td>Penggerusi</td><td>5 mata CPD/CPE</td></tr></table>	Penceramah	20 mata CPD/CPE	Ahli Panel	10 mata CPD/CPE	Penggerusi	5 mata CPD/CPE		
Penceramah	20 mata CPD/CPE								
Ahli Panel	10 mata CPD/CPE								
Penggerusi	5 mata CPD/CPE								
5. Menulis artikel teknikal berkaitan percuakan dalam jurnal rasmi yang dikeluarkan oleh CTIM/MIA/MICPA/MAICSA/MATA dan CPA Australia	Bagi setiap artikel* yang diterbitkan, mata CPD/CPE adalah berdasarkan jenis artikel seperti berikut: <table border="1"><thead><tr><th>Jenis Artikel</th><th>Mata</th></tr></thead><tbody><tr><td>Cukai Individu</td><td>10 mata CPD/CPE</td></tr><tr><td>Cukai Syarikat</td><td>15 mata CPD/CPE</td></tr><tr><td>Cukai Individu dan syarikat</td><td>20 mata CPD/CPE</td></tr></tbody></table>	Jenis Artikel	Mata	Cukai Individu	10 mata CPD/CPE	Cukai Syarikat	15 mata CPD/CPE	Cukai Individu dan syarikat	20 mata CPD/CPE
Jenis Artikel	Mata								
Cukai Individu	10 mata CPD/CPE								
Cukai Syarikat	15 mata CPD/CPE								
Cukai Individu dan syarikat	20 mata CPD/CPE								


Nota :

*Setiap artikel yang telah diambil kira mata CPD/CPE tidak layak diambil kira untuk permohonan Ejen Cukai seterusnya.


Lampiran C

Prosedur Permohonan Kelulusan / Pembaharuan Kelulusan Ejen Cukai Secara *Online* Melalui Sistem Maklumat Pengurusan Cukai (SMPC) – Modul Ejen Cukai

1. Permohonan dibuat secara *online* melalui Sistem Maklumat Pengurusan Cukai (SMPC) di capaian <http://smpc.treasury.gov.my>
2. Skrin utama SMPC seperti di bawah akan dipaparkan. Klik pada menu panduan pengguna untuk mengetahui langkah-langkah penggunaan sistem. Sila pilih muat turun manual pengguna bagi permohonan baru / pembaharuan ejen cukai.



3. Klik pada menu Permohonan Ejen Cukai, seterusnya skrin log masuk seperti di bawah akan dipaparkan.
Sila masukkan no. kad pengenalan dan kata laluan.



4. Cara Penggunaan log masuk menggunakan e-filling (LHDNM)

- i. Pilih Jenis ID.
 - ii. Masukkan Nombor ID – Sila masukkan no. kad pengenalan.
 - iii. Masukkan Kata laluan.
 - Log masuk Sistem Ejen Cukai adalah menggunakan kata laluan e-filling individu Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)
 - Sekiranya anda tidak mempunyai katalaluan e-filling individu, anda boleh mendaftar di laman web LHDNM di capaian <http://ekl.hasil.gov.my/>
 - Setelah mendapat no pin e-filling, anda perlu mengaktifkannya terlebih dahulu di laman web LHDNM di capaian <https://e.hasil.gov.my/>. Sila klik pada login kali pertama untuk tujuan pengaktifan.
 - iv. Tekan <enter> atau klik pada butang <masuk>
5. Bayaran sebanyak RM50 akan dikenakan sebagai wang proses bagi setiap permohonan. Bayaran dibuat secara terus dengan menggunakan debit terus (*FPX*) atau kad kredit (*MasterCard*) melalui Sistem Maklumat Pengurusan Cukai (SMPC) atau secara manual dalam bentuk kiriman wang pos atau bank draf atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA** dan hantar ke alamat seperti berikut :

**Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Perbendaharaan Malaysia
Bahagian Analisa Cukai
Tingkat 7, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia
Presint 2, 62592 PUTRAJAYA**